

# Ekonomi Malaysia

**M**eskipun persekitaran ekonomi adalah mencabar pada tahun 2015, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan, berkembang sebanyak 5.0% (2014: 6.0%), disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam permintaan dalam negeri yang dipacu oleh sektor swasta. Pertumbuhan ini juga didorong oleh peningkatan permintaan luar yang sederhana pada separuh kedua tahun 2015. Pada tahun 2016, ekonomi Malaysia dijangka akan terus berkembang, tetapi pada kadar yang lebih sederhana pada 4.0-4.5%. Permintaan dalam negeri akan kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta yang mampan. Daya tahan ekonomi disokong oleh struktur ekonomi yang pelbagai, asas makroekonomi yang kukuh, sistem kewangan yang kukuh dan keupayaan fleksibiliti dasar yang berterusan.



## PRESTASI PADA TAHUN 2015

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 5.0% pada tahun 2015 (2014: 6.0%). Pertumbuhan telah disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh, dipacu oleh sektor swasta. **Penggunaan swasta**, terus mencatatkan pertumbuhan sederhana setelah isi rumah menyelaraskan perbelanjaan mereka dengan kos sara hidup yang lebih tinggi berikutan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax, GST*), pelarasan harga ditadbir, rasionalisasi subsidi dan penyusutan nilai ringgit. Walau bagaimanapun, pendapatan boleh guna yang lebih tinggi melalui langkah Kerajaan yang disasarkan kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana dan keadaan pasaran pekerja yang stabil menyokong perbelanjaan yang lebih tinggi. Di samping itu, terdapat banyak aktiviti penggunaan dipercepat pada awal tahun sebelum GST dilaksanakan pada April 2015.

**Pelaburan swasta** adalah sederhana disebabkan pelaburan untuk cari gali baharu bagi minyak dan gas yang lebih rendah pada tahun tersebut. Walau bagaimanapun, impak diimbangi sebahagiannya oleh pelaburan aktiviti hiliran minyak dan gas yang berterusan, dan pelaburan projek baharu dan yang sedang dilaksanakan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

**Jadual 1.1** : Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar mengikut Perbelanjaan (harga malar tahun 2010)

	2014	2015 <sup>p</sup>	1H 2016 <sup>p</sup>	2016 <sup>a</sup>
	Pertumbuhan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri <sup>1</sup>	5.9	5.1	5.0	4.3
Perbelanjaan Sektor Swasta				
Penggunaan	7.0	6.0	5.8	5.1
Pelaburan	11.1	6.4	4.0	5.5
Perbelanjaan Sektor Awam				
Penggunaan	4.3	4.4	5.2	2.0
Pelaburan	-4.7	-1.0	1.1	1.1
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	13.2	-3.8	-9.8	1.1
Eksport	5.0	0.6	0.2	3.2
Import	4.0	1.2	1.6	3.4
<b>KDNK Benar</b>	<b>6.0</b>	<b>5.0</b>	<b>4.1</b>	<b>4.0~4.5</b>

<sup>1</sup>Tidak termasuk stok, p : permulaan; a : anggaran berdasarkan Laporan Tahunan BNM 2015  
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari **segi penawaran**, semua sektor ekonomi utama kecuali perlombongan dan pengkuarian mencatatkan pertumbuhan sederhana pada tahun 2015, terjejas oleh permintaan dalam negeri yang lebih perlahan. Namun, industri pembuatan berorientasikan eksport dan perkhidmatan berkaitan perdagangan mendapat manfaat daripada peningkatan permintaan luar negeri daripada ekonomi maju dan membangun yang sederhana. Pertumbuhan dalam sektor perlombongan disokong oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi, manakala sektor pembinaan berkembang pada kadar sederhana ekoran aktiviti kediaman yang perlahan. Walaupun pasaran pekerja kekal stabil secara keseluruhan, kadar pengangguran meningkat kepada 3.1% (2014: 2.9%) apabila lebih banyak sentimen perniagaan yang berhati-hati menyebabkan prospek guna tenaga lebih sederhana menjelang akhir tahun tersebut.

**Jadual 1.2** : KDNK Benar mengikut Aktiviti Ekonomi Utama (harga malar tahun 2010)

	2014	2015 <sup>p</sup>	1H 2016 <sup>p</sup>	2016 <sup>a</sup>
	Pertumbuhan tahunan (%)			
Pertanian	2.1	1.2	-6.0	-0.3
Perlombongan & pengkuarian	3.5	4.7	1.4	3.5
Pembuatan	6.2	4.9	4.3	4.1
Pembinaan	11.7	8.2	8.4	7.9
Perkhidmatan	6.6	5.1	5.4	4.4
<b>KDNK Benar</b>	<b>6.0</b>	<b>5.0</b>	<b>4.1</b>	<b>4.0~4.5</b>

*p* : permulaan; *a* : anggaran berdasarkan Laporan Tahunan BNM 2015  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Inflasi keseluruhan** menurun kepada 2.1% pada tahun 2015 (2014: 3.2%), mencerminkan penurunan harga tenaga dan komoditi global lebih daripada mengimbangi kesan penyusutan nilai ringgit, pelaksanaan GST dan rasionalisasi harga subsidi oleh Kerajaan. Inflasi keseluruhan juga lebih tidak menentu sepanjang tahun 2015 disebabkan oleh satu siri pelarasan harga bahan api dalam negeri.

**Jadual 1.3** : Inflasi dan Kadar Pengangguran

	2014	2015 <sup>p</sup>	2016 <sup>a</sup>
	Pertumbuhan tahunan (%)		
Inflasi			
Indeks Harga Pengguna (2010 = 100)	3.2	2.1	2.0 ~ 3.0
Indeks Harga Pengeluar (2010 = 100)	1.4	-4.8	-
<b>Pengangguran</b>	<b>2.9</b>	<b>3.1</b>	<b>3.3 ~ 3.5</b>

*p* : permulaan; *a* : anggaran berdasarkan Laporan Tahunan BNM 2015  
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



**Jadual 1.4** : Imbangan Pembayaran

	2014	2015 <sup>p</sup>	2016 <sup>a</sup>
	RM bilion		
Akaun Semasa	48.6	34.7	19.1
% PNK	4.5	3.1	1.0 ~ 2.0
Barangan	113.3	109.6	99.5
Eksport Barangan	678.9	685.4	707.6
Eksport Kasar (perubahan tahunan, %)	6.5	1.0	3.2
Import Barangan	565.5	575.8	608.1
Import Kasar (perubahan tahunan, %)	4.5	1.8	5.6
Perkhidmatan	-10.7	-21.0	-19.2
Pendapatan Primer	-36.6	-32.0	-38.0
Pendapatan Sekunder	-17.4	-21.9	-23.1
<b>Akaun Kewangan</b>	<b>-80.0</b>	<b>-50.9</b>	<b>-</b>
Pelaburan Langsung	-18.0	4.8	-
Aset	-52.6	-37.2	-
Liabiliti	34.6	41.9	-
Pelaburan Portfolio	-39.4	-28.2	-
Aset	-28.1	-9.1	-
Liabiliti	-11.2	-19.1	-
Derivatif Kewangan	-1.0	-0.7	-
Pelaburan Lain	-21.7	-26.8	-
<b>Kesilapan dan Ketinggalan Bersih</b>	<b>-5.5</b>	<b>21.1</b>	<b>-</b>
Imbangan Keseluruhan (penambahan +/- pengurangan -)	-36.5	3.8	-
Rizab Antarabangsa BNM Bersih	405.3	409.1	-
Rizab Antarabangsa BNM Bersih (USD bilion)	115.9	95.3	-
Rizab dalam Bilangan Bulan Import Tertanggung	8.3	8.4	-

*p* : permulaan; *a* : anggaran berdasarkan Laporan Tahunan BNM 2015  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Dalam pasaran global yang terus tidak menentu, **sektor luaran** Malaysia kekal berdaya tahan. Meskipun lebih perdagangan adalah besar, lebih akaun semasa mengecil berikutan defisit lebih besar dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan sekunder. Paras rizab antarabangsa kekal mencukupi bagi memenuhi obligasi luar negeri jangka pendek, justeru menyediakan penampakan yang lebih daripada mencukupi terhadap kejutan luaran.



## **PROSPEK PADA TAHUN 2016**

Meskipun **ekonomi global** memasuki tahun 2016 dengan jangkaan pemulihan yang sederhana, namun ketidaktentuan dan perkara yang berlaku sepanjang tahun menyebabkan semakan ke bawah prospek pertumbuhan. Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund, IMF*) telah membuat semakan ke bawah prospek pertumbuhan bagi tahun 2016 buat kali keempat sejak bulan Oktober 2015 kepada 3.1% (Apr'16: 3.2%), kerana ia meramalkan pertumbuhan yang lebih lemah daripada jangkaan dalam ekonomi maju dan pasaran sedang pesat membangun. Pertumbuhan global justeru kekal sama seperti pada tahun 2015.

Risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan kekal tinggi berikutan ketidaktentuan ekonomi dan politik daripada BREXIT dan pertumbuhan yang jauh lebih sederhana daripada jangkaan dalam ekonomi China yang berpotensi menyebabkan kesan limpahan yang ketara terhadap aktiviti perdagangan global, sentimen pelabur dan harga komoditi. Di samping itu, ketidaktentuan harga minyak dunia serta turun naik yang tinggi dalam aliran modal dan dalam pasaran kewangan akan turut memberi kesan terhadap prospek pertumbuhan beberapa ekonomi yang lebih besar. Ketegangan geopolitik dan faktor berkaitan iklim juga boleh menjejaskan prospek beberapa ekonomi.

**Jadual 1.5** : Prospek Ekonomi Dunia IMF (*World Economic Outlook*, WEO) pada Julai 2016

	2015	2016 <sub>a</sub>	2017 <sub>r</sub>
<b>Output Dunia</b>	<b>3.1</b>	<b>3.1</b>	<b>3.4</b>
<b>Ekonomi Maju</b>	<b>1.9</b>	<b>1.8</b>	<b>1.8</b>
Amerika Syarikat	2.4	2.2	2.5
Kawasan Euro	1.7	1.6	1.4
Jepun	0.5	0.3	0.1
United Kingdom	2.2	1.7	1.3
<b>Ekonomi Sedang Pesat Membangun dan Ekonomi Membangun</b>	<b>4.0</b>	<b>4.1</b>	<b>4.6</b>
Asia Sedang Pesat Membangun dan Asia Membangun *	6.6	6.4	6.3
China	6.9	6.6	6.2
India	7.6	7.4	7.4
ASEAN-5 **	4.8	4.8	5.1
Eropah Sedang Pesat Membangun dan Eropah Membangun	3.6	3.5	3.2
Amerika Latin dan Carribean	0.0	-0.4	1.6
Timur Tengah, Afrika Utara, Afghanistan dan Pakistan	2.3	3.4	3.3
<b>Jumlah Perdagangan Dunia (barangan dan perkhidmatan)</b>	<b>2.6</b>	<b>2.7</b>	<b>3.9</b>

Nota: a : anggaran; r : ramalan

\* China, India, Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand & Viet Nam

\*\* Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand & Viet Nam

Sumber: IMF World Economic Outlook Update, Julai 2016

## IMPAK BREXIT KEPADA MALAYSIA

Berikutan tahap keterbukaan ekonomi Malaysia yang tinggi, peningkatan risiko daripada persekitaran luar termasuk BREXIT semestinya akan memberi implikasi kepada ekonomi dalam negeri. Namun, struktur ekonomi yang pelbagai terus memberi sokongan kepada ekonomi negara untuk menghadapi kejutan luaran. Impaknya boleh dilihat dari dua

sudut, pertama impak secara langsung dan kedua kesan pindahan (*knock-on effect*) kepada ekonomi lain, justeru menjejaskan pertumbuhan ekonomi dunia dan memberi kesan kepada prospek pertumbuhan Malaysia. Impak secara langsung melalui perdagangan adalah minimum kerana United Kingdom (UK) hanya menyumbang sekitar 1.2% dari jumlah eksport Malaysia, manakala Malaysia hanya mengimport 1% dari jumlah import daripada UK pada tahun 2015. Jumlah ini adalah kecil berbanding dengan Republik Rakyat China (RR China), Singapura atau Amerika Syarikat yang mencakupi 36.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia.

Dalam ekonomi luar yang mencabar, ekonomi Malaysia dijangka akan berkembang pada kadar lebih sederhana sebanyak 4.0 - 4.5% pada tahun 2016. Unjuran ini adalah berdasarkan permintaan dalam negeri yang terus memacu pertumbuhan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta

Sementara itu, pelaburan di UK sedikit sebanyak mungkin terjejas disebabkan oleh firma besar dan syarikat tersenarai awam (*public-listed companies, PLCs*) Malaysia yang terdedah dalam aset terkawal, operasi kasino dan pembangunan hartanah. Nilai mata wang pound British yang lemah berikutan BREXIT boleh menyebabkan pengurangan keuntungan dan pelaburan kepada syarikat ini, tetapi boleh memberi impak positif kepada perkhidmatan berkaitan dengan pendidikan di UK. Pasaran kewangan bermungkinan kekal tidak stabil kerana peralihan kepada aset yang lebih selamat (*flight to safety*) menyebabkan aliran modal daripada pasaran sedang pesat membangun kepada negara selamat (*safe haven countries*) seperti Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, ekonomi Malaysia mungkin terjejas pada tahun 2016 melalui kesan pindahan yang mengakibatkan permintaan lebih rendah bagi produk dan perkhidmatan Malaysia berikutan permintaan global yang lemah.


Dalam ekonomi luar yang mencabar, ekonomi Malaysia dijangka akan berkembang pada kadar lebih sederhana sebanyak **4.0 - 4.5% pada tahun 2016**. Unjuran ini adalah berdasarkan **permintaan dalam negeri** yang terus memacu pertumbuhan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Walau bagaimanapun, kadar perkembangan permintaan dalam negeri dijangka menjadi lebih sederhana disebabkan oleh ketidakpastian di peringkat global dan dalam negeri.

**Penggunaan swasta** diunjurkan lebih sederhana kepada 5.1% (2015: 6.0%) kerana isi rumah membuat pelarasan kepada kos sara hidup yang lebih tinggi dan ketidakpastian pasaran. Perbelanjaan pengguna berkemungkinan mengambil kira impak berterusan daripada pelaksanaan GST dan pengurangan subsidi bahan api. Ketidakpastian dalam



keadaan pasaran pekerja dan penyusutan nilai ringgit dijangka akan menjejaskan perbelanjaan isi rumah dengan sentimen pengguna yang lemah. Menyedari kesan buruk ini, pihak Kerajaan telah mengambil langkah proaktif seperti meningkatkan pendapatan boleh guna dengan mengurangkan caruman pekerja bagi Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) daripada 11% kepada 8% bagi tempoh Mac 2016 – Disember 2017, pindahan tunai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang lebih tinggi dan pelepasan cukai tambahan sebanyak RM2,000 kepada pembayar cukai individu. Bagi aktiviti pelancongan, pelonggaran keperluan perjalanan bagi pelancong dari RR China, pengenalan kepada e-Visa bagi pelancong dari beberapa negara dan usaha promosi berterusan bagi pelancongan bersasaran, dijangka akan memulihkan ketibaan pelancong dan meningkatkan perbelanjaan pelancong di Malaysia.


**Carta 1.1** : Pertumbuhan Ketibaan Pelancong dan Penggunaan Swasta, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Tourism Malaysia dan CEIC

Dari segi perbelanjaan isi rumah, penunjuk perbelanjaan pengguna seperti pertumbuhan perbelanjaan kad kredit dan wang secara kecil (*narrow money*, M1) menunjukkan trend menurun dan kemudiannya melonjak sebelum pelaksanaan GST. Manakala, selepas pelaksanaan GST, terdapat penurunan trend dalam pertumbuhan walaupun pada beberapa bulan kebelakangan ini, terdapat kenaikan semula secara perlahan dalam pertumbuhan perbelanjaan kad kredit dan M1.

**Carta 1.2** : Pertumbuhan Perbelanjaan Kad Kredit dan Wang Secara Kecil (M1), %



Sumber: Bank Negara Malaysia



Pertumbuhan **pelaburan swasta** dijangka berada di bawah trend purata jangka panjang dengan berkembang sebanyak 5.5% (2015: 6.4%). Aktiviti pelaburan dalam perlombongan hulu seperti telaga minyak diunjurkan lebih lemah berikutan harga komoditi yang rendah. Namun, pelaksanaan projek pelaburan yang sedang dilaksanakan dan baharu terutamanya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan dijangka menyokong perbelanjaan modal sektor swasta.

Mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap perbelanjaan yang lebih berhemat, pertumbuhan **penggunaan awam** dijangka menjadi lebih sederhana, namun akan terus

menyokong pertumbuhan keseluruhan. Sementara itu, **pelaburan awam** dijangka kembali pulih dengan mencatatkan pertumbuhan positif, mencerminkan perbelanjaan yang lebih tinggi bagi aset tetap oleh Kerajaan Persekutuan dan pelaksanaan projek infrastruktur utama yang berterusan oleh syarikat awam.

Dari **segi penawaran**, sektor ekonomi utama diunjurkan berkembang pada kadar yang lebih sederhana pada tahun 2016. Sektor perkhidmatan dan pembuatan akan kekal menjadi penyumbang ekonomi utama kepada pertumbuhan KDNK. Pertumbuhan sektor perlombongan berkemungkinan disokong oleh kapasiti pengeluaran gas baharu meskipun harga minyak dan gas lebih rendah, manakala pertumbuhan sektor pembinaan diunjurkan menurun sedikit. Sektor pertanian dijangka menguncup sedikit disebabkan hasil minyak sawit yang lebih rendah berikutan keadaan cuaca panas dan kering.

**Sektor luaran** dijangka kekal berdaya tahan dengan lebih akaun semasa yang berterusan meskipun lebih itu mengecil disebabkan oleh kelemahan global. Eksport akan terjejas oleh penurunan harga komoditi dan permintaan yang lebih rendah, manakala import kasar akan berkembang ekoran peningkatan permintaan bagi import pengantara untuk menyokong prestasi eksport pembuatan yang berterusan. Di samping itu, import barangan modal dijangka akan lebih tinggi disebabkan perkembangan pelaburan swasta dalam negeri yang berterusan. Imbangan perdagangan keseluruhan dijangka terus mencatat lebihan yang lebih rendah. Defisit **akaun perkhidmatan** diunjurkan mengecil disebabkan oleh penambahbaikan dalam aktiviti pelancongan. Justeru, lebihan **akaun semasa** dijangka akan berkurangan kepada 1.0 – 2.0% daripada pendapatan negara kasar (PNK).

**Inflasi keseluruhan** diunjurkan berada pada 2.0 – 3.0 % pada tahun 2016, disebabkan terutamanya oleh pelarasan harga beberapa barangan harga ditadbir seperti kadar tol lebu raya dalam bandar, tambang kereta api, pengurangan rebat tarif elektrik serta kadar pertukaran ringgit yang lemah. Walau bagaimanapun, tekanan inflasi tersebut dijangka dapat dikurangkan dengan kesan GST pusingan pertama yang mengecil, harga tenaga dan komoditi global yang rendah, inflasi global yang lemah, permintaan dalam negeri yang sederhana dan dasar monetari yang akomodatif.

Ekonomi Malaysia melangkah masuk ke tahun 2016 dengan mempunyai kedudukan yang teguh disokong oleh sistem kewangan yang kukuh. Aspek penting yang menyumbang kepada senario ini adalah kepelbagaian aktiviti ekonomi. Justeru, **dasar monetari** pada tahun 2016 memberi tumpuan dalam memastikan keadaan monetari kekal menyokong pertumbuhan dalam negeri yang mampan, mengambil kira risiko pertumbuhan yang lebih rendah daripada persekitaran dalam dan luar negeri. Berikutan prospek ekonomi global dan pembangunan kewangan yang tidak menentu, Kerajaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia (BNM) akan memantau dan menilai implikasinya terhadap prospek

pertumbuhan dalam negeri dan inflasi. Dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee, MPC*) baru-baru ini pada 13 Julai 2016, Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate, OPR*) telah dikurangkan kepada 3.00% daripada 3.25%, berikutan ketidaktentuan dalam persekitaran global yang berpotensi memberi impak kepada prospek pertumbuhan Malaysia. Bagi memastikan ekonomi dalam negeri terus mengalami pertumbuhan yang kukuh dalam inflasi yang stabil, pelarasan OPR yang baharu tersebut adalah supaya dasar monetari terus kekal akomodatif dan konsisten dengan pendirian dasar, berlatarkan peningkatan risiko pertumbuhan global yang lebih rendah.

**Dasar fiskal** pada tahun 2016 akan terus tertumpu kepada pengukuhan fiskal dalam persekitaran luar dan dalam negeri yang mencabar. Bajet 2016 yang telah dibentangkan pada bulan Oktober 2015, telah diubah suai pada bulan Januari 2016 bagi mengambil kira jangkaan penurunan harga minyak dunia. Penstrukturan semula bajet tersebut adalah untuk memastikan kedudukan ekonomi dan kewangan berada dalam trajektori yang betul. Selain itu, Kerajaan telah memperkenalkan langkah-langkah untuk mempelbagaikan sumber hasil dengan mengagihkan semula spektrum telekomunikasi, penguatkuasaan cukai yang ketat ke atas penjualan rokok, minuman keras dan kenderaan import di pulau bebas cukai serta memperkemas sistem levi pekerja asing. Pelaksanaan GST juga telah menambah sumber pendapatan Kerajaan. Justeru, sasaran defisit fiskal bagi tahun 2016 adalah pada 3.1% daripada KDNK (2015: 3.2%).

Dengan Rancangan Malaysia Kesebelas menjadi pelan terpenting dalam kemajuan negara bagi mencapai Wawasan 2020, sumber fiskal pada tahun 2016 akan diberi keutamaan kepada projek berimpak tinggi yang mempunyai kesan pengganda yang besar bagi mengurangkan kos. Penekanan akan terus diberi ke arah memastikan pertumbuhan yang inklusif dan mampan melalui peningkatan kebajikan terutamanya dalam bentuk sokongan sosioekonomi bagi menangani kos sara hidup yang tinggi dan menggalakkan penggunaan swasta. Melangkah ke hadapan, dalam menghadapi persekitaran yang tidak menentu, **pembaharuan fiskal yang berterusan** dan **langkah makroekonomi yang berhemat** akan kekal sebagai komponen penting dalam agenda transformasi ekonomi Kerajaan.